

AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI ,2010

Skim PEDULI SIHAT dan Selcare Management Sdn Bhd , adalah tertakluk kepada prinsip-prinsip perlindungan data peribadi dibawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (selepas ini dirujuk sebagai "APDP"). Berkuatkuasa daripada 15 November , 2013 yang mengawal selia pemprosesan data peribadi di dalam transaksi komersial.Terma "Data Peribadi" ,"Pemprosesan" dan "Transaksi Komersial " adalah bermaksud sepertimana yang diperuntukkan di dalam APDP.

Ia adalah merupakan kewajipan untuk anda memberikan kepada kami data peribadi anda.Kegagalan anda untuk menyediakan data peribadi tersebut akan menyebabkan kami tidak dapat memproses dan / atau mendedahkan data anda untuk tujuan-tujuan sepertimana di dalam perkara (C) di bawah :

Nota Data Peribadi ini terpakai kepada sesiapa yang mana data peribadinya di proses oleh Selcare Management Sdn Bhd.

[A] SUMBER DATA PERIBADI

Data peribadi anda diperolehi daripada pelbagai sumber termasuk maklumat yang telah anda berikan kepada kami , maklumat daripada pihak ketiga dan maklumat daripada domain awam.

[B] DESKRIPSI DATA PERIBADI

Kami ingin memaklumkan bagaimana data peribadi anda di proses oleh Selcare Management Sdn Bhd/PEDULI SIHAT/atau badan-badan organisasi ,rakan kongsi ,agen , dan pihak-pihak yang diiktiraf untuk mengendalikan Skim PEDULI SIHAT

[C] TUJUAN DATA PERIBADI

Pemprosesan Data Peribadi anda adalah termasuk yang mana-mana berkaitan :- nama , tarikh lahir , kad pengenalan atau pasport , nama majikan /syarikat , alamat rumah , dan pejabat , nombor telefon /telefon bimbit, nombor faks , emel , pekerjaan ,umur, jantina ,status perkahwinan , berat , tinggi ,gambar , bangsa , kewarganegaraan , agama , maklumat keluarga dan/atau saudara mara terdekat , keputusan pemeriksaan kesihatan , rekod kesihatan , sejarah jenayah , keputusan penyiasatan , butiran terperinci insuran dan apa-apa data peribadi yang di perlukan untuk tujuan yang diterangkan sepertimana dibawah ,

Data Peribadi anda mungkin diproses untuk perkara-perkara berikut yang berkaitan :

[1] Untuk perkhidmatan dan rawatan kesihatan

[2] Untuk membantu keperluan peribadi pesakit (contoh : untuk perlanjutan untuk menetap lebih lama di hospital untuk "health tourism" -sekiranya berkaitan)

[3] Untuk mewujudkan dan menguruskan rekod kesihatan dan laporan kesihatan

[4] Untuk membantu pemprosesan pembayaran pesakit

[5] Untuk memulakan proses pengutipan hutang kepada pesakit yang ingkar membuat pembayaran

[6] Untuk melaporkan data peribadi kepada pihak-pihak berwajib dan/atau pihak ketiga dibawah peruntukan Undang-undang yang diguna pakai berkaitan dengan industri kesihatan

[7] Untuk kegunaan lain-lain perkhidmatan yang disediakan oleh pihak kami.